

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(A)10

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB. HAJI MOHD TUAH BIN ISMAIL**

10. Konsep *eco-tourism* amat sesuai untuk kawasan Balik Pulau.
- (a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan pelancongan konsep ini?

**YB. YEOH SOON HIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

10. Kerajaan Negeri giat mempromosikan ekopelancongan di kawasan Balik Pulau melalui aktiviti- aktiviti seperti berikut:

- (i) Mempromosikan destinasi ekopelancongan di Negeri Pulau Pinang melalui pameran pelancongan dan pameran perdagangan dengan menerbitkan risalah, peta dan dokumentari untuk edaran umum;
- (ii) Memberi tumpuan kepada aktiviti *birdwatching* dengan menerbitkan risalah ‘*Birdwatching in Penang*’ bagi meningkatkan minat kepada aktiviti ini;

- (iii) Menggalakkan konsep ekopelancongan dengan mengadakan *familiarization trip* ke Balik Pulau dengan ejen-ejen pelancongan, media dan *Key Opinion Leader* (KOL); dan
- (iv) Penerbitan video promosi *The Other Side of The Island* untuk menonjolkan keistimewaan kawasan Balik Pulau untuk menarik perhatian pelancong domestik dan antarabangsa.